

Kritikan terhadap PM helah Barat

UM 23 OCT 2003
KUALA LUMPUR 22 OKT

Cercaan dan kritikan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ekoran kenyataan beliau berkaitan Yahudi merupakan helah Barat untuk menyembunyikan sikap berat sebelah mereka.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, ia merupakan cubaan Barat untuk menakut-nakutkan golongan yang tertindas agar tidak menentang mereka.

Tetapi katanya, itu bukan sifat Perdana Menteri kerana kebenaran akan terus disuarakan.

"Ini merupakan usaha untuk menakut-nakutkan orang lain supaya tidak sentuh sikap berat sebelah barat yang hanya memihak kepada kumpulan tertentu sahaja,"

"Tetapi kita yakin yang benar tetap benar seperti mana ketika kita menghadapi krisis kewangan yang lalu," katanya mengulas kritikan dan serangan terhadap PM oleh Barat ekoran kenyataan Perdana Menteri mengenai Yahudi dalam ucapannya pada pembukaan Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) baru-baru ini.